



TEKS UCAPAN

MAJLIS *HI-TEA* PROGRAM UMRAH PEKEBUN KECIL RISDA 2018

**OLEH
Y.BHG DATO' WAN AHMAD SHABRI ZAINUDDIN BIN
WAN MOHAMAD**

KETUA PENGARAH RISDA

**DEWAN D'TASIK, RHR HOTEL @ UNITEN
28 FEBRUARI 2018 (RABU)
4.00 PETANG**

1. Saudara Pengacara Majlis
2. YBhg. Dato' Nasaruddin bin Malek
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA
3. YBhg. En. Abdullah bin Zainal@Deraman
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat) RISDA
4. YBhg. Pengarah-Pengarah Bahagian/ Ketua - Ketua Pegawai
Eksekutif Syarikat Milikan RISDA
5. Yang Dirahmati Para Peserta Umrah Pekebun Kecil RISDA
dan keluarga
6. Serta semua warga RISDA yang dikasihi dan disayangi
sekalian

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera**

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu ingin saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya diberi kelapangan waktu dan kesihatan dapat kita berkumpul bersama bagi meraikan semua peserta jemaah umrah pekebun kecil RISDA pada tahun 2018 ini. Semua jemaah umrah ini dijangkakan akan berangkat ke Tanah Suci Mekah pada 1

Mac hingga 12 Mac 2018, InsyaAllah. Saya dimaklumkan program umrah pekebun kecil RISDA ini telah diadakan sebanyak 5 kali dan bermula pada tahun 2014 yang lalu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

2. Pihak Pengurusan RISDA mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua jemaah umrah yang telah terpilih pada tahun ini iaitu seramai 36 orang yang berjaya menjadi tetamu istimewa

Allah. Disebalik kesibukan menjalankan tanggungjawab masing-masing tibalah masa untuk kita berkorban meninggalkan segenap jiwa raga, nafsu, keluarga dan harta benda untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Syukurlah kepada Allah bahawa tuan puan dianugerahkan panggilan ke Baitullah ini yang jarang-jarang umat manusia dapat memenuhinya. Oleh itu, diharapkan kepada peserta umrah agar bersungguh-sungguh melaksanakan ibadah wajib dan sunat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Pengurusan RISDA sedaya upaya ke arah mengimbangi tuntutan dunia dan akhirat. Justeru itu, program ini diadakan bertujuan untuk memberi penghargaan di atas jasa dan sumbangan kepada pekebun kecil yang melibatkan diri di dalam program-program pembangunan RISDA seperti Tanam Semula, Keushawanan dan lain-lain serta menyumbang kepada pembangunan industri getah negara. Sungguhpun, dalam usaha untuk mempertingkatkan

ekonomi pekebun kecil dan juga negara, pemantapan modal insan tetap diutamakan. Semoga program ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan gunalah peluang ini sebaiknya untuk mengerjakan ibadah umrah dengan ikhlas dan bersungguh-sungguh demi mendapatkan keredhaan Illahi.

4. Di sini saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang telah menjayakan program ini. Terima kasih juga kepada Bahagian

Pentadbiran, Unit RTBB, Bahagian Tanam Semula Dan Perladangan dan Pengurusan Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd yang telah bekerjasama sepanjang program ini dijalankan. Saya turut difahamkan pada hari ini semua jemaah umrah akan menerima insentif dan sumbangan berjumlah RM700.00, rebat daripada Andalusia Travel & Tours Sdn. Bhd sebanyak RM250.00, sepasang kain ihram untuk penerima lelaki manakala sepasang telekung untuk penerima perempuan. Rebate sebanyak RM250.00 juga turut disumbangkan kepada ahli keluarga penerima.

5. Sebelum mengakhiri ucapan pada petang ini, kepada semua jemaah umrah saya mendoakan keselamatan tuan/puan, semoga selamat pergi dan selamat kembali, diberi ketenangan jiwa tatkala mengerjakan umrah di sana dan mengecapi umrah yang mabrur. Perbanyakkan kesabaran semasa di sana kerana setiap kepayahan, kesakitan, tekanan yang wujud sebelum, semasa dan selepas menunaikan umrah adalah 'kifarat' serta ujian Allah SWT untuk para hamba-Nya.

6. Jagalah adab-adab dan peliharalah diri dari melakukan sebarang kesalahan. Tuan/puan juga perlu berdisiplin dan mematuhi arahan-arahan oleh pihak berwajib demi kebaikan dan keselamatan tuan/puan di Tanah Suci nanti. Akhir kata, saya juga memohon agar tuan/puan mendoakan kesejahteraan kami di sini dan kejayaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) serta RISDA agar terus berjaya menjadi sebuah agensi peneraju kemajuan pekebun kecil dan seterusnya dapat membantu kesejahteraan dan kemakmuran generasi luar bandar.

Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih